



KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 18 TAHUN 2008

PINDAAN KADAR BAYARAN INSENTIF PAKAR

TUJUAN

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Kerajaan menaikkan kadar Bayaran Insentif Pakar.

LATAR BELAKANG

2. Bayaran Insentif Pakar dibayar berdasarkan syarat kelayakan yang ditetapkan mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 1990. Kadar Bayaran Insentif Pakar yang sedang berkuat kuasa adalah sebagaimana yang ditetapkan mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002.

PELAKSANAAN

3. Kadar baru Bayaran Insentif Pakar adalah seperti berikut:

GRES (U, UD, DU, DUG)	KADAR SEBULAN
Utama/ Khas dan ke atas	RM 3,100
53 dan 54	RM 2,800
51 dan 52	RM 2,500
47 dan 48	RM 2,200
45	RM 2,000
43 dan 44	RM 1,900
41	RM 1,600

PINDAAN

4. Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling Perkhidmatan ini, kadar Bayaran Insentif Pakar seperti di Lampiran C8, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 adalah **dipinda**.


TARIKH KUAT KUASA

5. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2009**.

PEMAKAIAN

6. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Surat Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI ISMAIL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

10 November 2008

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan